

# TINJAUAN MINGGUAN AGM/EGM MSWG

## Tempoh 13 hingga 17 Januari 2025

Berikut adalah AGM/ EGM untuk syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

### TINJAUAN RINGKAS

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
15.01.25 (Rabu) 10.00 pagi	Fraser & Neave Holdings Bhd	Ladang tenusu bersepadu F&N di Gemas dijangka menjadi topik perbincangan hangat dalam kalangan pemegang saham, apabila Kumpulan berdepan dengan penggantungan yang tidak dijangka terhadap import lembu dara dari Amerika Syarikat, berikutan kebimbangan penularan wabak selesema burung.
15.01.25 (Rabu) 10.00 pagi	Concrete Engineering Products Berhad	Kumpulan mencatatkan pendapatan yang lebih rendah pada tahun kewangan 2024, sebanyak RM103.97 juta, berbanding dengan RM132.68 juta pada tahun sebelumnya. Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh bilangan pesanan yang berkurangan daripada pelanggan, selain pembatalan pesanan akibat kelewatan projek pembinaan.  Oleh yang demikian, Syarikat mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM4.62 juta pada tahun kewangan 2024, berbanding dengan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM1.08 juta sebelum ini.
15.01.25 (Rabu) 10.30 pagi	Poh Kong Holdings Berhad	Poh Kong mencatat keuntungan bersih yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2024 iaitu RM116.92 juta berbanding dengan RM78.44 juta pada tahun kewangan 2023.

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
		Pendapatan syarikat juga meningkat kepada RM1.64 bilion daripada RM1.47 bilion pada tahun sebelumnya. Secara keseluruhan, permintaan untuk barang kemas emas kekal kukuh dan trend positif ini dijangka berterusan sehingga 2025.
15.01.25 (Rabu) 10.30 pagi	Top Glove Corporation Bhd	<p>Pendapatan Top Glove mencatatkan peningkatan sebanyak 11% tahun ke tahun kepada RM2.5 bilion daripada RM2.3 bilion tahun lalu. Kerugian bersihnya menyusut dengan ketara kepada RM21 juta daripada RM885 juta setahun sebelumnya.</p> <p>Prestasi yang lebih baik ini disumbangkan oleh peningkatan jumlah jualan apabila pelanggan masih lagi menambah stok sarung tangan mereka, yang meningkatkan kadar penggunaan kilang serta kecekapan operasi.</p> <p>Permintaan sarung tangan meningkat pada separuh kedua tahun kewangan 2024 disebabkan oleh stok sarung tangan yang berkurangan serta tarif yang tinggi dikenakan ke atas sarung tangan perubatan buatan China.</p>
15.01.25 (Rabu) 11.30 pagi	Talam Transform Berhad	<p>TALAM berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Cadangan Penggabungan Saham</b> iaitu lima saham biasa yang sedia ada menjadi satu saham.</li> <li>ii. <b>Cadangan Pengurangan Modal Saham.</b></li> <li>iii. <b>Cadangan Penempatan Persendirian</b> yang melibatkan sehingga 20% daripada jumlah saham biasa yang diterbitkan.</li> <li>iv. <b>Cadangan Penjualan Tanah</b> di Putra Perdana.</li> <li>v. <b>Cadangan Penubuhan Skim Opsyen Saham Pekerja</b> (<i>Employees Share Options Scheme, ESOS</i>) yang melibatkan sehingga 15% daripada jumlah saham terbitan.</li> <li>vi. <b>Cadangan Pemberian Opsyen ESOS</b> kepada pengarah.</li> </ul>

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
16.01.25 (Khamis) 10.00 pagi	MMAG Holdings Berhad	EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk pengurangan modal terbitan MMAG sebanyak RM270 juta, mengikut Seksyen 117, Akta Syarikat 2016.
17.01.25 (Jumaat) 11.00 pagi	Techbase Industries Berhad	<p>Techbase mencatatkan pendapatan berjumlah RM183.1 juta pada tahun kewangan 2024, berkurangan sebanyak RM40.1 juta atau 18% berbanding dengan RM223.2 juta pada tahun sebelumnya. Penurunan ini disebabkan oleh pendapatan yang lebih rendah daripada bahagian pakaian.</p> <p>Techbase mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM35.3 juta berbanding dengan keuntungan bersih sebanyak RM19.9 juta sebelum ini.</p> <p>Kerugian ini disebabkan oleh jualan yang rendah di semua bahagian perniagaan serta hapus kira aset tidak ketara. Kerugian bersihnya termasuk kerugian nilai saksama ke atas pelaburan lain berjumlah RM27.3 juta.</p>
17.01.25 (Jumaat) 2.00 petang	AHB Holdings Berhad	<p>AHB mencadangkan pengurangan modal sebanyak RM37 juta daripada modal saham terbitannya. Langkah ini membolehkan Kumpulan menyusun semula kedudukan kewangannya dengan menghapuskan kerugian terkumpul.</p> <p>Menurut AHB, tindakan menghapuskan kerugian terkumpul akan menambah baik kedudukan kewangan, seterusnya meningkatkan kredibiliti kumpulan terhadap bank, pelanggan, pembekal serta pelabur.</p>

## PERKARA PENTING

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
Fraser & Neave Holdings Bhd	<p>1. Disebabkan penggantungan import lembu dara dari Amerika Syarikat oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar pada Oktober 2024 akibat kebimbangan penularan wabak selesema burung, apakah perkembangan terkini berhubung ketibaan lembu ini?</p> <p>Adakah F&amp;N akan meneruskan import lembu Holstein dari Amerika Syarikat? Apakah alternatif lain, misalnya baka, yang sedang dipertimbangkan oleh Kumpulan untuk mempercepatkan operasi ladang tenusu bersepadunya di Gemas, Negeri Sembilan? Disebabkan oleh halangan ini, bilakan operasi komersial kilang tersebut dijangka bermula?</p> <p>Sila jelaskan sejauh manakah kesan daripada kelewatan ini menjejaskan aliran tunai kumpulan?</p> <p>2. Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) F&amp;N, Encik Lim Yew Hoe menyatakan bahawa Kumpulan memberikan fokus yang lebih besar terhadap “kewaspadaan kewangan” dalam tahun kewangan 2024 disebabkan oleh pelaburan awal (<i>start-up</i>) di F&amp;N AgriValley, selain tamatnya beberapa insentif cukai (halaman 31, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Beliau turut memberikan amaran bahawa, disebabkan faktor yang disebutkan di atas, “margin kumpulan pada tahun kewangan 2025 akan kekal berada di bawah jangkaan” (halaman 39, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Apakah langkah “kewaspadaan kewangan” khusus yang diambil bagi memastikan pengurusan kewangan yang berhemat?</p> <p>b) Apakah panduan pengurusan untuk margin keuntungan pada tahun kewangan 2025, dengan mengambil kira cabaran yang bakal mendatang? Adakah Kumpulan dapat mengekalkan margin keuntungan bersih semasanya iaitu sebanyak 10.34% walaupun menghadapi cabaran ini?</p>
Concrete Engineering Products Berhad	<p>Kumpulan mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM4.62 juta pada tahun kewangan berakhir 2024, berbanding dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.08 juta pada tahun kewangan berakhir 2023. Kerugian ini terutamanya disebabkan oleh pendapatan yang menyusut akibat permintaan pelanggan yang perlahan yang disebabkan oleh bajet yang terhad, pembatalan pesanan pembelian akibat projek pembinaan yang tertangguh serta kelewatan penghantaran (Halaman 17, Laporan Tahunan 2024).</p>

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
	<p>a) Bagaimanakah keadaan semasa pesanan pelanggan dan dari kawasan geografi manakah asalnya pesanan ini? Adakah jumlah pesanan kini bertambah baik berbanding dengan tempoh sebelumnya?</p> <p>b) Memandangkan prospek untuk tahun kewangan berakhir 2025 kekal mencabar, yang disebabkan oleh ketidaktentuan pasaran domestik dan luar negara (halaman 21, Laporan Tahunan 2024), bagaimana Kumpulan merancang untuk mengurus perniagaannya secara berhemat dan berhati-hati? Adakah Kumpulan menjangkakan pemulihan terhadap prestasi kewangannya pada akhir tahun ini?</p>
Poh Kong Holdings Berhad	<p>Penyusutan nilai Ringgit Malaysia berbanding Dolar Amerika Syarikat (USD) pada tahun lepas memberikan kesan yang ketara terhadap harga emas dalam Ringgit Malaysia. Hal ini disebabkan oleh pembelian bahan mentah seperti jongsong emas, berlian dan batu permata dibuat dalam USD. Kumpulan telah mengurangkan kesan turun naik kadar pertukaran asing ini ke atas margin keuntungannya melalui penggunaan instrumen kewangan (halaman 62, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Apakah mata wang utama yang digunakan untuk kos jualan dan pendapatan Kumpulan, berserta pecahannya mengikut jenis mata wang, dalam peratus?</p> <p>b) Sila jelaskan jenis instrumen kewangan yang digunakan bagi mengurangkan kesan turun naik kadar pertukaran asing terhadap margin keuntungan. Bagaimanakah instrumen ini digunakan dan sejauh manakah keberkesananannya?</p>
Top Glove Corporation Bhd	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan jualan sebanyak RM2.51 bilion pada tahun kewangan 2024, meningkat 11% berbanding dengan tahun kewangan 2023, hasil daripada peningkatan jumlah jualan apabila pelanggan menambah stok sarung tangan mereka (halaman 10, Laporan Tahunan Bersepadu 2024).</p> <p>a) Adakah Kumpulan melihat aktiviti penambahan stok oleh pelanggan ini sebagai sesuatu yang berkekalan atau sementara, lebih-lebih lagi dengan tarif Amerika Syarikat yang tinggi ke atas pengeluar sarung tangan China bermula 2025? Berapakah jumlah stok yang dipegang oleh pelanggan kumpulan (dalam bulan) jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya?</p> <p>b) Apakah pandangan Kumpulan terhadap pemulihan industri pengeluaran sarung tangan? Adakah pihak pengurusan percaya bahawa pengeluar sarung tangan Malaysia kini lebih bersedia</p>

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
	<p>untuk menetapkan harga yang lebih tinggi serta merebut semula bahagian pasaran?</p>
<p>Talam Transform Berhad</p>	<p>Resolusi Biasa 4, 7 dan 8 memerlukan kelulusan pemegang saham berkaitan pemberian opsyen ESOS kepada tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (<i>independent non-executive directors</i>, INED) iaitu Dato' Abdul Hamid Bin Mustapha, Encik Tai Keat Chai dan Encik Ling Chee Min.</p> <p>Istilah "Pekerja" dalam ESOS merujuk pada penyertaan pekerja syarikat iaitu bakal penerima faedah daripada skim tersebut. Perlu diingat bahawa INED yang berkhidmat kepada syarikat dalam kapasiti bukan eksekutif tidak diklasifikasikan sebagai pekerja syarikat.</p> <p>Demi memastikan tadbir urus korporat yang lebih baik, MSWG tidak menggalakkan penyertaan INED dalam sebarang bentuk opsyen saham disebabkan oleh peranan mereka yang bukan eksekutif. Mereka juga sepatutnya bertanggungjawab mengawasi pengagihan opsyen saham tersebut kepada pengarah eksekutif dan pekerja syarikat.</p> <p>Pemberian opsyen ESOS kepada tiga INED ini menimbulkan kebimbangan terhadap kemungkinan berlakunya konflik kepentingan, menghakis kebebasan, menjejaskan objektiviti serta penjagaan nilai pemegang saham. Risiko ini muncul kerana INED mungkin terpengaruh oleh kepentingan kewangan peribadi yang terikat dengan prestasi harga saham, sekaligus menjejaskan objektiviti dalam tugas pengawasan serta proses membuat keputusan.</p> <p>a) Memandangkan INED tidak menggalas tanggungjawab eksekutif dan mereka telah pun diberikan ganjaran yang mencukupi melalui yuran pengarah serta faedah lain, apakah justifikasi utama untuk merangkumkan mereka dalam ESOS?</p> <p>b) Apakah metrik prestasi yang akan digunakan oleh Jawatankuasa ESOS bagi menilai kelayakan INED di bawah Cadangan ESOS ini?</p> <p>c) Apakah pandangan INED terhadap cadangan ESOS ini, selepas mempertimbangkan peranan mereka dalam syarikat? Adakah mereka bersedia untuk menerima ESOS yang dicadangkan kepada mereka?</p> <p>d) Resolusi Biasa 9 mencadangkan pemberian opsyen ESOS kepada Pengarah Bukan Bebas dan Bukan Eksekutif syarikat, Puan Sri Datin Thong Nyok Choo.</p> <p>Apakah langkah yang diambil untuk memastikan ketelusan dan keadilan dalam pengagihan ESOS ini dan bagaimanakah ia secara</p>

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
	<p>langsung dikaitkan dengan prestasi beliau serta nilai yang dibawa kepada Kumpulan?</p>
<p>Techbase Industries Berhad</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kumpulan telah menghapus kira projek pembangunan perisian yang digantung pada tahun kewangan berakhir 2024 bernilai RM3.3 juta (halaman 130, Laporan Tahunan 2024). <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Apakah tujuan asal perisian itu dan mengapakah pembangunannya digantung hanya setahun selepas pemerolehannya? Siapakah yang memulakan penggantungan itu dan adakah kumpulan boleh mendapatkan semula kos yang telah dibelanjakan?</li> <li>b) Sila nyatakan pembekal atau pemaju untuk perisian tersebut.</li> </ol> </li> <li>2. Kumpulan telah meningkatkan pelaburannya dalam saham disebut harga di Malaysia kepada RM80.2 juta, mewakili 19.5% daripada jumlah aset, walaupun mengalami kerugian nilai saksama sebanyak RM27.5 juta pada tahun kewangan berakhir 2024 (halaman 114 &amp; 138, Laporan Tahunan 2024). <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Adakah tumpuan kumpulan telah beralih daripada perniagaan teras iaitu pembuatan pakaian kepada perdagangan saham yang disebut harga? Apakah pandangan Lembaga Pengarah terhadap risiko yang berkaitan dengan ketidaktentuan pasaran?</li> <li>b) Apakah tempoh pegangan purata untuk saham yang disebut harga pada masa lalu?</li> <li>c) Memandangkan pelaburan dalam saham yang disebut harga kini mewakili hampir 20% daripada jumlah aset, adakah Kumpulan telah menubuhkan pasukan pelaburan khas atau melantik pakar profesional untuk aktiviti perdagangan? Apakah had kuasa dan proses kelulusan bagi keputusan berkaitan perdagangan saham?</li> </ol> </li> <li>3. Pada 20 Ogos 2024, anak syarikat Techbase iaitu Honsin Apparel Sdn. Bhd. dan HiQ Media (Malaysia) Sdn. Bhd., telah menandatangani perjanjian kerjasama dengan Target 1 Sdn. Bhd. ("T1") untuk bersama-sama melaksanakan hak mengundi mereka dan seterusnya mendapatkan kawalan ke atas pengurusan South Malaysia Industries Berhad ("SMI") serta anak-anak syarikatnya. (Halaman 176, Laporan Tahunan 2024) <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Berapakah kos pelaburan Kumpulan dalam saham SMI dan apakah keuntungan atau kerugian nilai saksama terkumpul yang terkini untuk pelaburan ini?</li> </ol> </li> </ol>

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
	<p>b) Aktiviti perniagaan SMI (pembuatan dawai keluli, pembangunan hartanah dan pemegangan pelaburan) tidak berkaitan dengan perniagaan teras Kumpulan iaitu pembuatan pakaian. Mengapakah Kumpulan memilih untuk melabur dalam SMI serta bekerjasama dengan T1 untuk memperoleh kawalan ke atas syarikat-syarikat ini? Bagaimanakah kerjasama ini memberikan manfaat kepada pemegang saham syarikat?</p> <p>c) Sejauh manakah tahap keyakinan Lembaga Pengarah terhadap kemampuan Kumpulan atau T1 dalam meningkatkan kecekapan operasi SMI?</p>

#### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diiliputi dalam buletin ini.

#### PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.